



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 9

24hb April 2020

*TAMBAHAN No. 64
PERUNDANGAN (B)*

P.U. (B) 214.

AKTA KOPERASI 1993

NOTIS PENAMATAN PENGAMBILALIHAN KAWALAN
(KOPERASI SAKILAN SANDAKAN BERHAD)

BAHAWASANYA, melalui Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (Pelantikan) 2016 [*P.U. (A) 25/2016*] yang disiarkan dalam *Warta* pada 2 Februari 2016, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah melantik Kastian bin Hj. Dula untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Sakilan Sandakan Berhad, dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya berkuat kuasa mulai 17 November 2015 hingga 16 November 2017 atau sehingga suatu Lembaga dipilih di bawah undang-undang kecil Koperasi itu, mengikut mana-mana yang terdahulu:

DAN BAHAWASANYA, melalui Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan Koperasi Sakilan Sandakan Berhad) (Pelantikan Semula) 2020 [*P.U. (A) 124/2020*] yang disiarkan dalam *Warta* pada 24 April 2020, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah melantik semula Kastian bin Hj. Dula untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Sakilan Sandakan Berhad, dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya berkuat kuasa mulai 17 November 2017 hingga 27 Oktober 2018:

DAN BAHAWASANYA, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mengadakan mesyuarat agung khas Koperasi Sakilan Sandakan Berhad pada 27 Oktober 2018 dan sembilan anggota Lembaga baharu telah dipilih dengan sewajarnya pada mesyuarat agung khas itu: